



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Variasi

PERDANA

2022

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



OfficialUMK

VARIASI PERDANA

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan

Hakcipta Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan 2023

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat keizinan daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: Variasi Perdana Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Tahun 2022

No. e-ISBN: 978-629-7555-25-6

Diterbitkan oleh:

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

Pengkalan Chepa

16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

KANDUNGAN

ALU-ALUAN NAIB CANSELOR	6-7
ALU-ALUAN DEKAN FKP	8-9
SIDANG EDITOR	10
BAB 1 : MAKLUMAT KORPORAT FKP	11-23
BAB 2 : PENCAPAIAN STAF FKP 2022	24-41
BAB 3 : GEMILANG SISWA SISWI FKP 2022	42-52
BAB 4 : PROGRAM & AKTIVITI FKP 2022	53-79
BAB 5 : DI SEBALIK LENSA FKP	80-98



PROFESOR DATO' DR. RAZLI BIN CHE RAZAK
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ALU-ALUAN NAIB CANSELOR

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam sejahtera

Bismillahirrahmanirrahim. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad, Rasulullah S.A.W dan keluarga.

Sekalung tahniah kepada warga FKP amnya dan sidang editor Variasi Perdana khususnya atas penerbitan Variasi Perdana. Penerbitan ini merupakan satu pencapaian gemilang oleh warga FKP sepanjang tahun 2022. Kejayaan yang dicapai boleh dijadikan inspirasi oleh warga FKP khususnya dan warga UMK amnya bagi mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Saya yakin Variasi Perdana dapat terus menjadi panduan terbaik untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik dan bidang keusahawanan. Penerbitan Variasi Perdana ini juga merupakan bukti komitmen FKP untuk terus mempromosikan segala aktiviti dan program yang dijalankan oleh fakulti, dan secara tidak langsung memperkenalkan FKP sebagai fakulti yang berteraskan perniagaan dan keusahawanan.

Kita juga patut bersyukur kepada Allah kerana dengan izin-Nya, kita masih diberi kekuatan dan kesungguhan untuk memikul amanah sebagai peneraju dalam bidang keusahawanan. Bidang keusahawanan sememangnya bersifat dinamik untuk memenuhi keperluan semasa, sama ada di peringkat tempatan mahupun global. Oleh hal yang demikian, warga UMK khususnya FKP mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memberikan pendidikan, menyampaikan ilmu, membentuk peribadi dan sahsiah selaras dengan visi dan misi UMK.

Akhir kata, tahniah dan syabas kepada semua warga FKP khususnya sidang editor Variasi yang telah berusaha merealisasikan penerbitan wadah ini. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua warga staf dan siswa siswi FKP. Semoga anda semua terus mengasah potensi diri dan dapat memanfaatkan setiap pembelajaran secara langsung dan tidak langsung dari universiti ini dan di mana jua anda berada.

Wassalam.

**PROFESOR DATO' DR. RAZLI BIN CHE RAZAK
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

ALU-ALUAN DEKAN FKP

Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama menerbitkan buku "Variasi Perdana Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Tahun 2022" satu terbitan tahunan yang memaparkan kejayaan warga FKP. Ucapan terima kasih kepada sidang editor Variasi Perdana yang komited dalam memastikan Variasi Perdana diterbitkan.

FKP merupakan fakulti terawal yang ditubuhkan oleh UMK pada tahun 2006, sejajar dengan visi dan misi universiti yang menekankan pendidikan keusahawanan dan perniagaan. Program keusahawanan dan perniagaan yang ditawarkan oleh fakulti bertujuan bukan sahaja untuk memberikan pengetahuan tetapi juga untuk menanamkan amalan, kemahiran, dan bakat keusahawan dan antara siswasiswa. FKP juga bertanggungjawab dalam menawarkan kursus keusahawanan untuk fakulti lain di UMK.

Selain itu, fakulti juga terlibat dalam membina pemikiran dan sikap keusahawanan melalui pelbagai program yang bermanfaat untuk negara dan masyarakat terutamanya dalam pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).



PROFESOR MAYDA Ts. DR. ZAILANI BIN ABDULLAH
DEKAN FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ALU-ALUAN DEKAN FKP

Siswa siswi di FKP pada masa ini termasuk dalam generasi milenial dengan pemikiran yang inovatif, kepercayaan diri yang tinggi dan mempunyai kreativiti dalam proses pembelajaran.

Melalui penerbitan Variasi Perdana ini, kita dapat melihat pelbagai kejayaan siswa siswi di FKP. Semoga dengan penerbitan Variasi Perdana ini, semua pencapaian, kecemerlangan dan memori indah warga FKP dapat dipotretkan untuk tatapan masa yang akan datang.

Terbang selisih si burung kedidi,
Terbang berduyun di waktu pagi,
Terima kasih daun keladi,
Di lain tahun bertemu lagi.

Wassalam.

PROFESOR MADYA Ts DR. ZAILANI BIN ABDULLAH
DEKAN
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SIDANG EDITOR FKP

PENASIHAT

Profesor Madya Ts. Dr. Zailani bin Abdullah

PENASIHAT BERSAMA

Puan Nor Edawani binti Shamsuddin

Dr. Wan Farha binti Wan Zulkifli

Dr. Ahmad Ridhuwan bin Abdullah

KETUA EDITOR

Puan Afifah Hanim binti Md Pazil

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Mardhiah binti Kamaruddin

Cik Azlinda Shazneem binti Md Shuaib

EDITOR

Dr. Nor Asma binti Ahmad

Dr. Nor Hafiza binti Othman

Dr. Siti Nurzahira binti Che Tahirim

Dr. Zaminor binti Zamzamir @ Zamzamin

Puan Nik Madeeha binti Nik Mohd Munir

Puan Nurul Hasliana binti Hamsani

Puan Yuhanis binti Mohamed Noor

PEREKA

Encik Nasrul Aiman bin Ab Aziz

URUSETIA

Encik Tukiman Bahari bin Mohamed Noor

MAKLUMAT KORPORAT FKP

"Sejarah penubuhan Fakulti Pengurusan Perniagaan serta objektif misi dan visi fakulti dikongsi bersama dalam ruangan ini. Selain itu, statistik kemasukan pelajar; prasiswazah dan pascasiswazah disertakan bagi memberi penjelasan mengenai fakulti ini. Kebolehpasaran graduan adalah salah satu kayu ukur bagi fakulti yang mana turut dikongsi umum dalam ruangan ini."



Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) adalah antara fakulti terawal yang ditubuhkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2006 sejajar dengan visi dan misi universiti yang menekankan pendidikan keusahawanan dan perniagaan. Program keusahawanan dan perniagaan yang ditawarkan oleh fakulti bertujuan bukan sahaja untuk memberikan pengetahuan tetapi juga untuk menanamkan amalan, kemahiran dan bakat keusahawanan di antara pelajar. Fakulti juga bertanggungjawab dalam menawarkan kursus keusahawanan untuk fakulti universiti lain.

Sejajar dengan hasrat kerajaan pada awal penubuhannya agar falsafah kurikulum pengajian di UMK berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan dalam semua program pengajian, FKP bertanggungjawab dalam menawarkan kursus keusahawanan untuk fakulti-fakulti lain di UMK. Selain itu, FKP juga terlibat dalam membina pemikiran dan sikap keusahawanan melalui pelbagai program yang bermanfaat untuk negara dan masyarakat terutamanya dalam pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

VISI

Menjadi institusi peneraju dalam bidang pendidikan, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan pembangunan keusahawanan.

MISI

Menanam serta menyemai semangat keusahawanan di kalangan masyarakat dalam dan luar kampus dengan matlamat untuk melahirkan masyarakat berorientasi keusahawanan (entrepreneurial society) yang mampu menyumbang kepada penjanaankekayaan negara.


OBJEKTIF

- Untuk melahirkan graduan berbudaya usahawan (entrepreneurial graduates) yang beretika, mempunyai nilai-nilai murni, berpengetahuan dan berkemahiran, berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif serta berupaya menyumbang kepada pembangunan negara.
- Untuk meneroka dan mengembangkan ilmu keusahawanan dan pengurusan perniagaan melalui pengajaran dan perundingan, penulisan dan perkhidmatan kepada watan.
- Untuk membina ikatan perjanjian bestari dengan organisasi luar dan dalam negara yang terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan keusahawanan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana.
- Untuk menjadi penggerak utama membangun dan memajukan bidang keusahawanan dan pengurusan perusahaan kecil dan sederhana.

CARTA ORGANISASI FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN



CARTA ORGANISASI FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN



MAJLIS STRATEGIK FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

15



**PROF. DATO' DR.
NOOR AZIZI ISMAIL**

Former Vice Chancellor
Universiti Malaysia Kelantan/
Chairman



**DATUK ABDUL
WAHAB KHALIL**

Advisor 7-Eleven Malaysia



**DATUK DR. SYED
HUSSIAN ALJUNID**

Senior Director Business &
Operations Support Asia
Western Digital (M) Sdn. Bhd



**DATO' TS. ABD.
RADZAK ABD. MALEK**

International Vice President
(IVP) Chartered Institute of
Logistic and Transport



**DATO' JAVERN
LIM CHONG**

Founder and Group Managing
Director VKA Financial Group



**MR. MOHD FARID
SHAH MOHD BASIR**

Chief Human Capital Officer
Telekom Malaysia (T.M)



**TUAN HJ. AHMAD
ZAKIE AHMAD SYARIFF**

Executive Chairman and
Managing Partner Kuber
Venture Berhad



**PROF. DR.
ALMA HARRIS**

Chair of School of Education
Swansea University, UK



**DATUK AISHAH
SHAIK AHMAD**

Director Corporate Affairs-
Motors Sime Darby Auto
Bavaria Sdn. Bhd.



**ASSOC. PROF. TS. DR.
ZAILANI ABDULLAH**

Dean Faculty of
Entrepreneurship and
Business/ Secretary

JAWATANKUASA PENGURUSAN FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN



**PROF. MADYA TS. DR.
ZAILANI BIN ABDULLAH**

Dekan



**DR. WAN FARHA BINTI
WAN ZULKIFFLI**

Timbalan Dekan
(Akademik dan Pembangunan
Pelajar)



**DR. AHMAD RIDHUWAN
BIN ABDULLAH**

Timbalan Dekan
(Penyelidikan, Inovasi dan
Pascasiswazah)



**PUAN NOR EDAWANI
BINTI SHAMSUDDIN**

Ketua Pentadbir



**DR. NUR IZZATI BINTI
MOHAMAD ANUAR**

Ketua Jabatan
Keusahawanan



**DR. NOORMARIANA
BINTI MOHD DIN**

Ketua Jabatan Perniagaan
dan Perakaunan



**PROF. DR. MOHD RAFI
BIN YAACOB**

Ketua Unit Antarabangsa
Industri dan Hubungan
Komuniti



**DATO'
MICHAEL TIO**

Ketua Eksekutif Kumpulan & Pengarah Urusan PKT Logistics Group Sdn. Bhd.



**DATUK ZULKARNAIN
MD EUOPE**

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Berhad



**DATO' AHMAD SARUJI
ABD. AZIZ**

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengasas Amanah Warisan Berhad



**TAN SRI DATO' SERI DATO' PADUKA
PROFESOR DR. FNG AH SENG**

Pengarah Urusan Epic Valley Holdings Sdn Bhd. & Pengarah Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN



**SITI NUR AMALIN
AISYAH MOHD KHIR**

Naib yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2022/2023



**NURUL FAZLINA
AZHAR**

Eksekutif Pertubuhan, Pembangunan & Latihan Pelajar Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2022/2023



**AHMAD FAIZ ASYRAF
AHMAD HILMI**

Eksekutif Sukan, Rekreasi & Kebudayaan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2022/2023



**INTAN FARISHA
IRWAYU RIDZUAN**

Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2022/2023

**103**

Data adalah sehingga November 2022

**99** 96%

TEMPATAN

**4** 4%

ANTARABANGSA

- Ijazah Sarjana Muda **Keusahawanan** dengan Kepujian (SAE)
- Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (**Logistik dan Perniagaan Pengedaran**) dengan Kepujian (SAL)
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (**Perbankan dan Kewangan Islam**) dengan Kepujian (SAB)
- Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (**Perdagangan**) dengan Kepujian (SAK)
- Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (**Peruncitan**) dengan Kepujian (SAR)
- Ijazah Sarjana Muda **Perakaunan** dengan Kepujian (SAA)
- Ijazah Sarjana Muda **Sains (Kepujian) Statistik** dan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (**Logistik dan Perniagaan Pengedaran**) dengan Kepujian (SAL01)

ENROLMENT PELAJAR PRASISWAZAH FKP TAHUN 2020 - 2022




3,628

Data adalah sehingga November 2022

3,628

DEFINISI: Graduan yang menjalankan pekerjaan mereka sendiri, melanjutkan pelajaran mereka, meningkatkan kemahiran mereka dan menunggu penempatan pekerjaan.



Sumber: SKPG2.0 KPT 01 Mac 2022

Pembentukan graduan kelas pertama agar boleh dipasarkan dalam industri.

**PENCAPAIAN GE
FKP 2022**
89.5%

791 Bil. Responden
SKPG
795 Bil. Graduan
Warganegara

Kaedah pengiraan **GE** melibatkan
graduan **WARGANEGARA** sahaja



	2018	2019	2020	2021	2022
IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (LOGISTIK & PERNIAGAAN PENGEDARAN)	78.4%	95.3%	91.6%	87.6%	97.8%
IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PERDAGANGAN)	75.0%	89.4%	91.3%	90.4%	85.6%
IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PERUNCITAN)	70.4%	93.8%	89.2%	84.7%	85.6%
IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (PERBANKAN & KEWANGAN ISLAM)	64.5%	94.1%	92.1%	84.0%	90.9%
IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN	-	-	95.3%	83.9%	95.6%

Sumber: SKPG2.0 KPT 01 Mac 2022

KERJA KURSUS

- Sarjana Keusahawanan
- Sarjana Kewangan Islam

MOD PENYELIDIKAN

- Sarjana Keusahawanan
- Doktor Falsafah

BIDANG PENGAJIAN

- Pengurusan
- Kewangan
- Perakaunan
- Peruncitan
- Perdagangan
- Keusahawanan (**Doktor Falsafah sahaja**)
- Perbankan & Kewangan Islam
- Pengurusan Logistik & Operasi
- Pengurusan Sumber Manusia
- Pemasaran





			NEGARA	JUMLAH
	TEMPATAN	ANTARABANGSA	JUMLAH	
PHD	114	78	192	PHD
MASTER (PENYELIDIKAN)	35	7	42	
MASTER (KERJA KURSUS)	13	34	47	
JUMLAH	162	119	281	
			NEGARA	JUMLAH
			MALAYSIA	114
			BANGLADESH	2
			CHINA	33
			GHANA	2
			INDONESIA	28
			PAKISTAN	4
			SENEGAL	1
			THAILAND	6
			NIGERIA	2
			MALAYSIA	35
			CHINA	4
			NIGERIA	2
			BANGLADESH	1
			MALAYSIA	13
			PAKISTAN	1
			CHINA	33


JUMLAH: **281**



PENCAPAIAN STAF FKP 2022

"Pencapaian staf fakulti dikategorikan kepada beberapa kategori utama seperti penerbitan, penyelidikan, inovasi, anugerah khas dan kerjasama strategik yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Walau bagaimanapun, pencapaian bagi kategori penyelidikan diambil dari tahun 2021."

DATA KESELURUHAN PENERBITAN FKP 2022



- Prof. Dr. Mohammad bin Ismail
- Prof. Dr. Mohd Nor Hakimin bin Yusoff
- Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob
- Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad
- Prof. Madya Dr. Asrul Hery bin Ibrahim
- Prof. Madya Dr. Dzulkifli bin Mukhtar
- Prof. Madya Dr. Muhammad Khalique
- Prof. Madya Dr. Noorshella binti Che Nawi
- Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan bin Razik
- Prof. Madya Dr. Noorul Azwin bin Md Nasir
- Dr. Ainon @ Jamilah binti Ramli
- Dr. Azira Hanani binti Ab Rahman
- Dr. Hazriah binti Hasan
- Dr. Kasmaruddin bin Che Hussin
- Dr. Kiran Kumar Thoti
- Dr. Mardhiah binti Kamaruddin
- Dr. Mohd Rushdan bin Yasoa'
- Dr. Mohd Safwan bin Ghazali
- Dr. Mohd Zulkifli bin Muhammad
- Dr. Muhammad Khalilur Rahman
- Dr. Nik Syuhailah binti Nik Hussin
- Dr. Noor Raihani binti Zainol
- Dr. Nor Hafiza binti Othman
- Dr. Nur Syafiqah binti A. Samad

- Dr. Nurul Ashykin binti Abd Aziz
- Dr. Rosmaizura binti Mohd Zain
- Dr. Sathiswaran a/l Uthamaputhran
- Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee
- Dr. Siti Afiqah binti Zainuddin
- Dr. Solomon Gbene Zaato
- Dr. Syamsuriana binti Sidek
- Dr. Zaminor binti Zamzamir @ Zamzamin
- Puan Nur A'mirah binti Mohd Yaziz

BIL.	PENULIS	TAJUK
1	Hazriah Hasan, Ismail Ahmad	Islamic Economics: Principles Systems
2	Mohd Shukran Ab Majid, Mohd Rafi Yaacob	Fate, Fear, Poverty and Entrepreneurship: The Untold Stories of The Poor Kelantanese Malay Pretty Women Petty Trader
3	Nasrul Hisyam Nor Muhammad, Mohd Khairy Kamarudin, Azwan Abdullah	Islamic Economics: Principles Systems
4	Nik Maheran Nik Muhammad, Nik Zati Hulwani Nik Idris, Rikinorhakis Ridzwan	The Fundamental of Islamic Finance: Opportunity and Market for Entrepreneurs
5	Nik Maheran Nik Muhammad, Nik Zulkarnaen Khidzir, Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir, Fadhilahanim Aryani Abdullah, Linira Ghazali, Siti Aishah Attaullah, Rikinorhakis Ridzwan	BeeHIVE Social Innovation Program: An Entrepreneurial Impact
6	Siti Nurzahira Che Tahrim, Azmi Abdullah, Roza, Adia Fadiyah, Fauziah Umi Che ; Zulkifli Mohamed, Danial Zaini, SiKopiPanas, Glay Hikaru, Alimin	Pencinta Sentiasa Bercinta
7	Nik Maheran Nik Muhammad, Linira Ghazali, Nik Aliff Hakimi Nik Mohd Fadzil, Md Zaki Muhamad Hasan, Izzati Nabila Marzuki, Mohd Mahmud, Mohammad Ismail, Alifah Adnan, Tuan Zulkipeli Tuan Yeh, Nur Husna Zulkifli	Ministry of Higher Education Entrepreneurial Awards 2021 (MEA) Kategori A (Institutional Award)
8	Mohammad Ismail, Razman Hafifi Redzuan, Mohd Nor Hakimin Yusoff, Wan Farha Wan Zulkifli	The Advanced Entrepreneurship Growth - Business Model & Opportunity
9	Mohd Nor Hakimin Yusoff, Mohammad Ismail, Wan Farha Wan Zulkifli, Razman Hafifi Redzuan	Pengurusan Kewangan Berkesan
10	Razman Hafifi Redzuan, Mohammad Ismai, Mohd Nor Hakimin Yusoff, Wan Farha Wan Zulkifli	Entrepreneurship Consultant for Beginners
11	Aryana Satrya, Balakrishnan a/l Parasuraman, Riani Rachmawati	Employee Participation in Asian workplace, New perspectives on employment relations in Malaysia and Indonesia
12	Muhamad Saufi Che Rusuli, Jati Kasuma Ali, Nik Zulkamal Nik Hassan	Kegagalan: Jangan Pernah Serik

BIL.	PENULIS	TAJUK
13	Siti Salwani Abdullah, Noor Raihani Zainol, Nurhaiza Nordin, Nurnaddia Nordin, Siti Zamanira Mat Zaib, Ahmad Ridhuwan Abdullah, Mohd Zulkifli Muhammad	Postgraduate Colloquium 2022: The important of Logistic and Management
14	Nurhaiza Nordin, Nurnaddia Nordin, Siti Zamanira Mat Zaib, Ahmad Ridhuwan Abdullah, Mohd Zulkifli Muhammad, Siti Salwani Abdullah, Noor Raihani Zainol	Postgraduate Colloquium Proceeding 2022: Sustainable Finance, Accounting and Role of Islamic Banking
15	Ahmad Ridhuwan Abdullah, Mohd Zulkifli Muhammad, Nurnaddia Nordin, Nurhaiza Nordin, Siti Zamanira Mat Zaib, Siti Salwani Abdullah, Noor Raihani Zainol	Postgraduate Colloquium 2022 the Role of Entrepreneurship and Marketing towards Business Success
16	Nik Noorhazila Nik Mud, Nurnaddia Nordin, Nurhaiza Nordin, Mohd Zulkifli Muhammad	The 2020 Undergraduate Colloquium on Retailing (TUC Retailing 2020)
17	Nurhaiza Nordin	Guidelines Research Project Final Year Student
18	Nurhaiza Nordin, Nurnaddia Nordin, Nor Asma Ahmad, Nik Noorhazila Nik Mud, Nik Madeeha Nik Mohd Munir, Mohd Safwan Ghazali	Macroeconomics
19	Noorshella Che Nawi, Siti Afiqah Zainuddin, Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir, Nor Syafawati Abd Rahman, Noorul Azwin Md Nasir, Siti Salwani Abdullah, Ahmad Ridhuwan Abdullah, Noor Raihani Zainol, Nurul Azwa Mohamed Khadri, Yusrinadini Zahirah Md. Isa@Yusuff, Wan Farha Wan Zulkifli, Syamsuriana Sidek, Mohd Asrul Hery Ibrahim, Karastika Rahayu Abdul Wahab, Fadhilahanim Aryani Abdullah, Nurul Hafizah Mohd Yasin, Derweanna Bah Simpong, Naziatul Aziah Mohd Radzi	Keusahawanan dan Kepimpinan Wanita: She Believed, She Could, So She Did
20	Nurnaddia Nordin, Nurhaiza Nordin, Nor Asma Ahmad, Nik Madeeha Nik Mohd Munir, Nur A'mirah Mohd Yaziz, Nur Syafiqah A. Samad, Nurul Izyan Mat Daud, Nur Ain Ayunni Sabri, Noor Raihani Zainol	Foundation of Entrepreneurship
21	Ahmad Firdause Md Fadzil, Mohd Rafi Yaacob, Mohd Nazri Muhayiddin	Psikologi dan Kompetensi Usahawan Berjaya dalam Perniagaan Baharu E-Dagang di Malaysia

BILANGAN GERAN PENYELIDIKAN TAHUN 2022**2022****UMK-COM
(3)****UMK-PRO
(1)****UMK-MATCHING
(2)****UMK-FUND
(6)****UMK-
TeLRIC
(2)****JUMLAH PERUNTUKAN UMK-COM****RM 30,000.00****JUMLAH PERUNTUKAN UMK-PRO****RM 20,000.00****JUMLAH PERUNTUKAN UMK-MATCHING****RM 50,000.00****JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN GERAN YANG BERJAYA DIPEROLEH SEPANJANG TAHUN 2022****= RM 687,550.00****JUMLAH PERUNTUKAN UMK-FUND****RM 30,000.00****JUMLAH PERUNTUKAN UMK-TeLRIC****RM 20,000.00**

BIL	GERAN	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA KETUA	JUMLAH PERUNTUKAN
1	MATCHING GRANT (UMK-MATCH)	Government's and Bank's Role on SME's Loan Repayment Performance During COVID 19 Pandemic	Dr. Zaminor Binti Zamzamir@Zamzamin	RM30,000.00
2	MATCHING GRANT (UMK-MATCH)	Exploring Multidimensional Child Poverty in Rural Kedah, Kelantan and Perlis: Conceptualising a Social Business Model	Dr. Noor Raihani binti Zainol	RM20,000.00
3	UMK-TeLRIC	Enhancing The Implementation of Blended Learning in Teaching and Learning among UMK's Lecturer	Dr. Nur Syafiqah binti A. Samad	RM10,000.00
4	UMK-TeLRIC	Pembangunan Modul Pdp - MY PITCHING LAB 2u2i Wecreate	Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee	RM10,000.00
5	UMK-PRO	Prototype Development of Industry-Driven Data Analytics Professional Competencies Training Intelligent System	Prof. Madya Dr. Noorul Azwin binti Md Nasir	RM20,000.00
6	UMK-COM	The Implementation of Online Learning Post COVID-19 Among Students of Community Colleges in Kelantan	Dr. Azira Hanani binti Ab Rahman	RM10,000.00

BIL	GERAN	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA KETUA	JUMLAH PERUNTUKAN
7	UMK-COM	Green Entrepreneurship Training Programme among University Students	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim	RM10,000.00
8	UMK-COM	Waste Management and Circular Economy for Sustainable Community by a Development of ZO-Wms Mobile Application	Dr. Siti Afiqah binti Zainuddin	RM10,000.00
9	UMK-FUND	Performance of Waqf Institutions in Malaysia: The Effects of Integrated Reporting, Waqf Governance and Online Digital Media	Dr. Amira binti Jamil	RM5,000.00
10	UMK-FUND	Developing Technology Readiness Framework for Adoption of Blockchain Technology of Halal Meat Industry in Malaysia	Dr. Kasmaruddin bin Che Hussin	RM5,000.00
11	UMK-FUND	Factors of Awareness on SOCSO Registration Amongst Gig Workers in Kelantan	Encik Ahmad Syakir bin Junoh @ Ismail	RM5,000.00

BIL	GERAN	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA KETUA	JUMLAH PERUNTUKAN
12	UMK-FUND	Developing an Exact Algorithm to Optimize Least Squares with Group Minimax Concave Penalty Function for Self-Exciting Threshold Autoregressive Model	Dr. Muhammad Jaffri bin Mohd Nasir	RM5,000.00
13	UMK-FUND	Antecedents of Sustainable Performance Among Malaysian Manufacturing Firms	Dr. Hanieh Alipour Bazkiae	RM5,000.00
14	UMK-FUND	Developing a Generational Development Model for SMEs Sustainable Performance	Encik Solomon Gbene Zaato	RM5,000.00

JUMLAH NILAI KESELURUHAN GERAN TAHUN 2022 = RM 150,000.00

ANUGERAH/ PINGAT TAHUN 2022



**ANUGERAH
KHAS**

4



**PINGAT
EMAS** **11**



**PINGAT
PERAK** **7**



**PINGAT
GANGSA** **4**

ANUGERAH KHAS

NAMA KETUA

INOVASI

PERTANDINGAN

1	Dr. Ahmad Ridhuwan bin Abdullah	Enhancing Entrepreneurial Experiential Learning in HLIS VIA Crowdfunding	UniSZA Carnival on e-Learning 2022 (UniCel 2022)
2	Dr. Nurhaiza binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	Carnival of Research and Innovation (CRI 2022) Special Edition
3	Dr. Nurnaddia binti Nordin	Integrated Innovation and Strategies for Teaching and Learning in Industrial Revolution Era 4.0: Building Effective Blended Learning for Macroeconomics Learniers	International Innovation Competition 2022 (INNOCOM III 2022)
4	Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	International Innovation Competition 2022 (INNOCOM III 2022)

INOVASI DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA

PINGAT EMAS

NAMA KETUA	INOVASI	PERTANDINGAN
1 Dr. Ahmad Ridhuwan bin Abdullah	Enhancing Entrepreneurial Experiential Learning in HLIS VIA Crowdfunding	UniSZA Carnival on e-Learning 2022 (UniCel 2022)
2 Dr. Nurhaiza binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	Carnival of Research and Innovation (CRI 2022) Special Edition
3 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	4th Virtual International Breakthrough Invention, Innovation & Design Exhibition (VI-BiiDE 2022)
4 Prof. Dr. Raja Suzana bini Raja Kasim	Sustainable E-halal Agrochain Marketplace Using Blockchain Innovation	International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2022 (ITEX 2022)
5 Dr. Nurhaiza binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	1st International Competition on Innovative & Creative Design 2022 (ICONIC 2022)
6 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	National Innovation & Invention Competition 2022 (NIICE 2022)
7 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	International Innovation Competition 2022 (INNOCOM III 2022)
8 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: Smart 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	International Virtual Educational Invention, Innovation & Design
9 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Integrated Innovation for Teaching and Learning In Industrial Revolution Era 4.0: Building Effective Blended Learning For Macroeconomics Learners	National Innovation & Invention Competition 2022 (NIICE 2022)
10 Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee	2U2I Wealth Creation for Entrepreneurs: A curriculum Framework	Teaching & Learning Innovation Festival (TLIF) 2022
11 Dr. Hazriah binti Hasan	On Book One Subject (OBOS) in Islamic Economic	Teaching & Learning Innovation Festival (TLIF) 2022

PINGAT PERAK

NAMA KETUA	INOVASI	PERTANDINGAN
1 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	Virtual Research and Innovation Exhibition UniMAP 2022 (EREKA 2022)
2 Dr. Nurnaddia binti Nordin	Multi-Purpose Motorcycle: SMART 3-Wheel Bike "Empower Disabled Entrepreneurs"	Virtual Asia Innovation Show 2022 (VAIS 2022)
3 Prof. Dr. Raja Suzana binti Raja Kasim	AISHAR: AI Shariah Robovisor for Sustainable Islamic Social Financial Inclusion	Malaysia Technology Expo 2022 (MTE 2022)
4 Dr. Tahirah binti Abdullah	Teaching and Learning Financial Management Course Using E-Whiteboard	International University Carnival on e-Learning 2022 (IUCEL 2022)
5 Dr. Nur Farahiah binti Azmi	D-Quizzes: Strengthening Student's Understanding on Islamic Banking and Finance Taught Course Using Web-Based Quiz	International University Carnival on e-Learning 2022 (IUCEL 2022)
6 Prof. Madya Dr. Noorul Azwin binti Md Nasir	Automated E-Rubric Calculator for Final Year Project Assessment	International University Carnival on e-Learning 2022 (IUCEL 2022)
7 Dr. Siti Afiqah binti Zainuddin	Submit: A Mobiagogy-Based Technology in Organising Task Due Dates	International University Carnival on e-Learning 2022 (IUCEL 2022)

PINGAT GANGSA

	NAMA KETUA	INOVASI	PERTANDINGAN
1	Dr. Nurnaddia binti Nordin	Integrated Innovation and Strategies for Teaching and Learning in Industrial Revolution Era 4.0: Building Effective Blended Learning for Macroeconomics Learners	International Innovation Competition 2022 (INNOCOM III 2022)
2	Dr. Nor Hafiza binti Othman	Snakes and Ladders Game for E-Learning: Business Plan Lesson	International Conference on Teacher Education and Digital Innovation Competition 2022
3	Dr. Nor Hafiza binti Othman	Snakes and Ladders Game for Business Plan Planning	International Learning Innovation Competition 2022
4	Dr. Siti Nurzahira Che Tahrim	Assessment Automation for Coursework Assignment	Teaching & Learning Innovation Festival (TLIF) 2022



REKABENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) 2022

Pasukan pensyarah dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang diketuai oleh Dr. Shah Iskandar Fahmie telah mendapat Naib Johan di Anugerah Khas YB Menteri Pengajian Tinggi: Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI 2022) bagi kategori Kurikulum Program Pengajian Inovatif menerusi program Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian. AKRI 2022 bertujuan untuk mengenal pasti, memberi pengiktirafan serta berkongsi amalan terbaik projek-projek serta inisiatif yang telah dilaksanakan sama ada di peringkat institusi atau individu dalam empat kategori iaitu Kurikulum Program Pengajian Inovatif, Pengajaran Transformatif, Pengalaman Pembelajaran Imersif dan Pentaksiran Alternatif. Penganjuran AKRI 2022 juga menyokong Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang dan Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT) 2015 - 2025. Penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad di Putrajaya.



TEMPOH**AGENSI/ SYARIKAT****BIDANG KERJASAMA**

25/04/2017 sehingga 24/02/2022	Islamic Banking And Finance Institute Malaysia	Pengajaran dan Pembelajaran Sijil Profesional
2021 sehingga 2022	University of Applied Sciences and Arts Northwestern Switzerland, School of Business (FHNW)	Kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan
01/06/2021 sehingga 30/05/2023	Handong Global University	Membangun dan "enhance" hubungan antara kedua universiti dan merencanakan program-program berbentuk akademik dan kebudayaan dalam pendidikan, penyelidikan dan aktiviti-aktiviti lain seperti pengantarabangsaan pendidikan tinggi
09/11/2020 sehingga 08/11/2023	Universitas Islam Bandung (UNISBA)	Kerjasama dalam bidang aktiviti penyelidikan antara Universitas Islam Bandung dan Fakulti Keusahawanan Perniagaan, UMK menggunakan geran padanan
15/03/2021 sehingga 14/03/2025	Phuket Rajabhat University, Thailand	Menggalakkan kerjasama akademik antarabangsa

Bagi program mobiliti, FKP telah menerima 8 orang pelajar dari Universitas Muhammadiyah Riau, Indonesia (UMRI) pada semester September 2021/2022. Program mobiliti berkredit ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan kes pademik Covid 19. Untuk itu, program Meet & Greet, International Student Virtual Mobility Program telah diadakan untuk memperkenalkan pelajar UMRI kepada para pensyarah di fakulti. Subjek yang diambil oleh para pelajar UMRI melibatkan kursus-kursus umum di FKP antaranya, Mikroekonomi, Makroekonomi, Kaedah Penyelidikan, Pengurusan Sumber Manusia, Prinsip Pemasaran dan Pengurusan dan Pembangunan Enterprise Baru. Program mobiliti ini telah berlangsung satu semester iaitu selama enam bulan. Program mobiliti ini merupakan program kali pertama dianjurkan pihak FKP UMK dengan UMRI. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan dengan mengorak langkah lebih jauh lagi sekali gus memperkasakan jalinan hubungan di peringkat antarabangsa.



FKP telah menerima kunjungan delegasi daripada Universitas Narotama, Indonesia pada 26 Oktober 2022 dan Universitas Airlangga, Indonesia pada 12 December 2022. Universitas Narotama ialah sebuah institusi pengajian tinggi swasta manakala Universiti Airlangga merupakan sebuah universiti awam yang kedua tertua di Indonesia sejak penubuhannya pada tahun 1954. Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Abdullah, Dekan FKP berserta beberapa orang ahli Pengurusan Fakulti telah mengadakan perbincangan dengan delegasi untuk mengadakan hubungan kerjasama berorientasikan akademik antara FKP dengan universiti tersebut.



Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bersama Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Abdullah, Dekan FKP dan beberapa wakil UMK telah mengadakan Lawatan Kolaborasi Strategik Akademik bersama Institusi Pengajian Tinggi di Pekanbaru, Riau, Indonesia pada 13 sehingga 15 November 2022. Antara institusi pengajian tinggi yang dilawati ialah Universitas Muhammadiyah Riau dan Universitas Lancang Kuning. Lawatan ini dilakukan pada bertujuan untuk membincangkan potensi kolaborasi akademik, mobiliti dan penyelidikan. Antara kandungan perbincangan adalah untuk membangunkan program akademik dan pengangtarabangsaan secara pesisir (offshore), dual degree dan peluang kerjasama yang lain bersama institusi pengajian tinggi di Pekanbaru, Riau, Indonesia.



GEMILANG SISWA SISWI FKP 2022

"Siswa siswi merupakan tonggak utama kepada negara dalam persiapan untuk memimpin negara pada masa hadapan. Gemilang siswa siswi ini merupakan pencapaian yang telah diperolehi siswa siswi FKP dalam pelbagai bidang sepanjang tahun 2022."

Program Taikun Muda telah menerima 89 penyertaan daripada 38 buah universiti berlainan termasuk Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) di seluruh negara. Seramai 11 orang finalis yang terpilih adalah dari 10 buah UA yang mana pemilihan dibuat berdasarkan karakter, personaliti dan semangat jitu dalam bidang keusahawanan. Antara objektif utama penganjuran program Taikun Muda adalah untuk memberi peluang kepada siswa yang berminat untuk menonjolkan diri dengan idea-idea segar dan kreatif melalui program realiti TV pertama di Malaysia berkonsepkan keusahawanan IPT. Saudara Mohammad Farisfahmi bin Mamat yang merupakan usahawan pelajar FKP telah menjadi salah seorang finalis dan telah memenangi Hadiah khas *Most Innovative Award* bagi program tersebut. Tahniah dan syabas diucapkan kepada beliau.



Seorang usahawan pelajar FKP iaitu saudari Siti Ain Saidah binti Roslan telah terpilih untuk mengikuti Program ICSB bertempat di Amerika Syarikat yang berlangsung pada 3 Julai hingga 8 Julai 2022. Turut menyertai program ini adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, tiga orang usahawan wanita (SME) dan dua orang usahawan pelajar dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Diharapkan dengan penyertaan di peringkat global seperti ini, lebih banyak ilmu keusahawanan dan perniagaan yang boleh siswa pelajari dan menjadi pemangkin semangat kepada siswa yang lain untuk lebih menceburi bidang keusahawanan.



Program *Impact Digital Entrepreneurship Apprentice@KPT (IDEA@KPT)* 2021 merupakan sebuah program yang memanfaatkan Perdagangan Digital (Digital Commerce) kepada siswa Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Program ini bertujuan memberi khidmat dan kepakaran kepada pihak usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang berpotensi untuk dibangunkan ke arah pemasaran digital. Pada 4 Ogos 2022 telah diadakan majlis penutup dan penyampaian hadiah bagi program ini.

Tiga daripada enam orang peserta UMK yang terlibat dalam program ini adalah dari FKP iaitu saudara Muhammad Badrul Amin bin Mohd Nawi, saudara Mohd Azmier Hafiz bin Lamri dan saudari Nur Atika binti Dolkefli. Manakala tiga orang peserta lagi dari Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE). Mentor yang terlibat dalam program ini adalah Dr. Nor Hafiza binti Othman; pensyarah kanan FKP dan Puan Nur 'Izzati binti Mohd Amin; pensyarah FSE. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta dan mentor yang terlibat dalam program ini.



COMPETITION FOR POTENTIALLY EXCELLENT AND TALENTED ENTREPRENEURS (COMPETE@ MOHE '22)

COMPETE@ MOHE '22 merupakan sebuah pertandingan keusahawanan peringkat nasional Kementerian Pengajian Tinggi yang memerlukan peserta menyediakan Video Pitching Business Model Canvas. Para peserta perlu melalui beberapa fasa penjurian. Pada peringkat pertama, peserta yang terpilih perlu melalui sesi latihan dan bimbingan Strategize Your Business. Ia telah berlangsung pada 23 hingga 25 Ogos 2022 bertempat di Bangi Golf Resort. Manakala sesi penjurian akhir dan majlis penutup pula berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober 2022, bertempat di Hotel Amari, Johor Bharu.

Saudari Iffah Munirah binti Rihdwan dari FKP yang mengusahakan perniagaan *Jajan Time SuperApp* (Servis Perakaunan) dan dibimbing oleh Encik Muhammad Naqib bin Mat Yunoh telah berjaya merangkul Silver Award dalam pertandingan ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada usahawan pelajar dan mentor yang terlibat.



Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada pelajar FKP iaitu saudara Loo Chun Young yang telah mendapat tempat pertama dalam Kejohanan Pingpong Single Tertutup dan Jemputan Kelantan 2022 pada 29 Oktober 2022.



PENERIMA DANA STUDENT-PRENEUR AND BIZ APPRENTICESHIP (SPACE)

Pelaksanaan program Usahawan Perantis (SPACE) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 15 hingga 17 November 2022 telah melibatkan penyertaan 85 orang usahawan pelajar UMK merentasi semua fakulti. Namun begitu, hanya 13 orang usahawan pelajar sahaja yang telah terpilih bagi memperolehi dana keusahawanan yang bernilai RM130,000.00. Telah menjadi kebanggaan FKP apabila daripada 13 orang usahawan pelajar, seramai 9 orang usahawan pelajar FKP telah terpilih iaitu saudara Mohammad Farisfahmi bin Mamat, saudara Muhammad Helmi bin Kaharudin, saudara Mus'ab bin Rushan, saudara Wan Hafizul Arif bin Wan Ahmad, saudari Nur Azwani binti Sazali, saudari Nur Syaheera binti Alias, saudari Farisyah Alia binti Suhaimi, saudari Siti Syukriyah binti Mohamod dan saudari Nusratina binti Shaari. Tahniah dan syabas diucapkan kepada 9 orang usahawan pelajar FKP yang menerima dana keusahawanan ini.



PENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN

ANUGERAH CANSELOR

Mohammad Aimi bin Mohd Zubir

ANUGERAH NAIB CANSELOR

Nurul Shafika binti Zulkifli

ANUGERAH KEUSAHAWANAN SOSIAL

Siti Ain Saidah binti Roslan

ANUGERAH DEKAN

Mohammad Aimi bin Mohd Zubir

HADIAH ALUMNI

Nurul Hamizah binti Shahrom Azaman

HADIAH AKADEMIK

Nurul Shafika binti Zulkifli

Siti Ain Saidah binti Roslan

Rubendrakumar a/l Pandian

Maheswaran a/l Stalin

Norfarhin binti Roslan

PENERIMAAN ANUGERAH KECEMERLANGAN FAKULTI TAJAAN INDUSTRI

Tajaan PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

Oon Kit Yee

Lee Ning Jia

Pavithra a/p M. Mogan

Tajaan Nurbella Empire Sdn. Bhd. Rubendrakumar a/l Pandian

Tajaan Remali Hotel, Remali Enterpris Ahmad Muizzuddin bin Rosli

17TH INVITATION OF SARA TAEKWONDO CLUB KYORUGI AND POOMSAE CHAMPIONSHIP 2022

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada siswa FKP daripada kurikulum berkredit taekwando iaitu saudara Hee Kah Cheng yang telah memenangi Pingat Perak, saudara Muhammad Aidil Adham bin Mohd Apandi yang telah memenangi Pingat Gangsa dan saudari Nurhasya Afifah binti Rosdi yang telah memenangi Pingat Gangsa dalam 17th Invitation of Sara Taekwondo Club Kyorugi and Poomsae Championship 2022 pada 25 dan 26 November 2022.



Bursa Inter-varsity Stock Challenge (BISC) adalah satu program yang direka khas untuk siswa universiti melakukan perdagangan saham di pasaran virtual untuk mencapai portfolio pelaburan berpulangan tinggi. Seramai 1,196 orang peserta telah menyertai cabaran yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia ini selama tiga bulan. Peserta-peserta telah dibimbing untuk melakukan perdagangan saham secara termaklum oleh CGS-CIMB Securities, RHB Investment Bank, Public Investment Bank dan Amlnvestment Bank.

Kemuncak program ini telah berlangsung dalam acara *Grand Finale of Bursa Inter-varsity Stock Challenge (BISC)* pada 30 November 2022 di Conference Room, Bursa Malaysia. Tujuh orang peserta dari FKP yang mewakili UMK dan dibimbing oleh Profesor Dr. Balakrishnan Parasuraman dan Puan Farah Hanan Muhammad telah terpilih sebagai calon pemenang BISC 2022 untuk membentangkan prinsip-prinsip pelaburan dan strategi perdagangan saham mereka di acara Grand Finale tersebut.

Peserta-peserta dari FKP tersebut adalah saudara Lee Jun Hong (peserta solo), saudari Siti Norshazleen binti Hassan, saudari Siti Nursyahira binti Radhuan dan saudari Wan Dahlia Anggun binti Wan Mohamad Nazeri dari kumpulan Awesome Trader, manakala saudari Farah Syahira binti Abdul Hamit, saudari Chow Jie Ying dan saudari Siew Hui En dari kumpulan Unowledge. Tahniah kepada para peserta dan mentor-mentor FKP yang telah berani menyahut cabaran BISC 2022 serta diharap telah dapat menimba banyak ilmu dan pengalaman daripada program ini.



Tahniah dan syabas kepada saudara Muhamad Danial Shah bin Mohd Suhaimi atas penganugerahan Anugerah Khas Sukarelawan Terbilang sempena Hari Kesukarelawan Kebangsaan Institusi Pendidikan Tinggi 2022.



PROGRAM & AKTIVITI FKP 2022

"Ruangan ini memaparkan semua program dan aktiviti FKP di peringkat nasional dan antarabangsa sepanjang tahun 2022"

MARDHIAH BINTI KAMARUDDIN

Penyampaian anugerah Online Colloquium – 4th Multidisciplinary Research in the Entrepreneurship and Business 2021/2022, anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan telah diadakan pada 25 Januari 2022. Kategori-kategori yang dipertandingkan adalah Anugerah penulisan terbaik, Anugerah pembentangan terbaik dan Anugerah poster terbaik. Tujuan penyampaian anugerah ini diadakan adalah untuk menyampaikan anugerah Projek Penyelidikan Tahun Akhir (PPTA) yang melibatkan pelajar dari program SAK, SAL, SAR dan SAB. Ia juga untuk menghargai dan prestasi akademik pelajar tahun akhir bagi projek penyelidikan yang telah melakukan penyelidikan yang sangat baik dan berhasil. Melalui penghargaan seperti ini, fakulti dapat memotivasi pelajar-pelajar untuk terlibat dalam penyelidikan dengan lebih baik dan mendorong mereka untuk mencapai kualiti dalam projek-projek penyelidikan mereka.



MARDHIAH BINTI KAMARUDDIN FATIHAH BINTI MOHD

Satu bengkel Task Force Program Akademik Baharu – Ijazah Sarjana Muda Analitik Perniagaan Dengan Kepujian telah diadakan pada 6 dan 10 Februari 2022 di B101B, Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Seramai 21 orang ahli akademik dari FKP, UMK telah terlibat secara langsung dalam menjayakan bengkel ini dan 8 orang daripadanya dilantik sebagai fasilitator bagi slot-slot yang berkenaan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membangunkan dokumen keperluan pembangunan program baharu, iaitu Kertas Cadangan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) beserta segala dokumen lampiran yang berkaitan. Hasil daripada bengkel ini, ahli Task force berjaya menyiapkan Kertas Cadangan MSA, beserta lampiran yang berkaitan seperti struktur kurikulum, pelan pengajian, laporan kajian pasaran, dan reka bentuk Table 4 bagi semua cadangan kursus yang terlibat dalam program akademik baharu. Melalui program ini, ahli Task Force dapat meningkatkan pengetahuan mengenai proses-proses pembangunan akademik baharu terutamanya program Sarjana Muda Analitik Perniagaan dengan Kepujian.



ZAMINOR BINTI ZAMZAMIR @ ZAMZAMIN P.YUKTHAMARANI A/P PERMARUPAN

Fakulti Keusahawanan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama University of Applied Sciences and Arts Northwestern Switzerland (FHNW) bersama rakan strategik iaitu Swiss Malaysia Chamber of Commerce (SMCC), DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU) dan Management and Science University (MSU) telah menganjurkan pertandingan Swiss Innovation Challenge (Asean) 2021/22 (SICA 2021/22). Pertandingan inovasi ini telah berlangsung secara "hybrid" yang mana terdapat 2 "pitching" telah diadakan secara atas talian yang berlangsung pada 2 & 3 Mac 2022. "Final pitching" pula telah berlangsung pada 27 Mei 2022 secara fizikal di Bangi Resort Hotel. Sebanyak 150 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi yang terdiri daripada tiga kategori iaitu kategori "Open", "Startup" dan "Youth". Penyertaan daripada peserta adalah terdiri daripada Malaysia, Vietnam, Indonesia dan juga daripada industri. Tujuan pertandingan ini adalah untuk merealisasikan idea perniagaan berinovasi sehingga kepada perjalanan sebuah enterprise dan telah berkembang ke rantau Asia dengan kerjasama universiti dan industri. Hasil dapatan dari pertandingan ini adalah memberi peluang kepada peserta untuk menambah baik rancangan perniagaan, memberikan peluang untuk membina "networking" dengan industri bagi sesi latihan dan menghasilkan terbitan penyelidikan daripada input penyertaan SIC Asean 2021/2022.




YUHANIS BINTI MOHAMED NOOR NADZIRAH BINTI MOHD SAID

Program Perakaunan FKP telah menganjurkan satu program iaitu *The 2nd Accounting Webinar Series (AWS) 2022* yang telah berlangsung pada 27 April 2022 dan diadakan dengan menggunakan platform Webinar FKP bagi membincangkan isu semasa bidang perakaunan dalam dunia hari ini. Program ini telah dipengerusikan oleh Dr. Siti Afiqah binti Zainuddin manakala penceramah jemputan adalah Prof. Dr. Chandana Alawattage, yang merupakan pensyarah Perakaunan daripada University of Glasgow, Scotland. Tema pada siri webinar kali ini adalah “*Reflecting on Accounting’s Philosophical And Historical Foundations*” dan program ini adalah bertujuan untuk membudayakan ilmu dan aktiviti di dalam bidang perakaunan di kalangan penyelidik dan pelajar serta menyediakan platform interaktif kepada para penyelidik senior dan junior di FKP dan UMK, terutama di dalam penguasaan ilmu di dalam bidang perakaunan. Seramai 7 pensyarah perakaunan FKP serta 3 wakil syarikat perisian perakaunan terlibat dan program ini mendapat maklum balas yang positif dalam kalangan pensyarah dan pelajar kerana dapat memberikan pendedahan kepada pensyarah dan pelajar mengenai ilmu berkaitan perakaunan berdasarkan keperluan pembelajaran dan kehendak industri.




NURUL HASLIANA BINTI HAMSAWI NOREWANI BINTI SUKRI

Program AURA: Pengenalan kepada Penerbitan Buku Digital Bersiri adalah merupakan satu program bersiri yang dianjurkan oleh pihak AURA. Program Pengenalan kepada Penerbitan Buku Digital telah diadakan bagi siri 1 pada 13 April 2022 bertempat di Platform Zoom Meeting. Dr. Amaal Fadhlini binti Mohamed, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, UMK telah dijemput untuk memberikan pendedahan berkenaan kemahiran penerbitan buku digital. Seramai lebih kurang 100 orang peserta yang mengikuti program ini dan peserta yang terlibat adalah Pensyarah, Pelajar Universiti Malaysia Kelantan, Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan kakitangan ANGKASA seta orang awam. Program ini dianjurkan bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang kompeten, berpengetahuan dan kreatif. Di samping itu, perkongsian daripada penceramah telah sedikit sebanyak membuka minda para peserta tentang penerbitan buku dan menyerlahkan lagi bakat menulis dalam jiwa masing-masing. Program ini perlu diteruskan bagi memberikan pendedahan lebih kepada pensyarah dan ahli koperasi yang mempunyai bakat dalam penulisan serta bagi memberikan galakan dalam menghasilkan lebih banyak penerbitan judul-judul baharu dalam pelbagai bidang dengan lebih besar, bersepada dan lebih cepat.





NOR ASMA BINTI AHMAD

Program Karnival Keusahawanan Pelajar yang dijalankan secara dalam talian telah berlangsung pada 17 hingga 30 April 2022. Program ini melibatkan semua pelajar Tahun 1 yang mengambil kursus Asas Keusahawanan (AFT 1013). Sebanyak 100 perniagaan dalam talian telah dibangunkan oleh pelajar dibawah kursus ini yang melibatkan sejumlah 665 pelajar daripada Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan (FKP) dan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) di Universiti Malaysia Kelantan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dengan kemahiran asas keusahawanan seperti keupayaan untuk mengesan dan mengenal pasti peluang perniagaan, mencari sumber perniagaan dan membuat penilaian terhadap sesebuah perniagaan secara kompetitif. Dengan itu, para pelajar dapat mengaplikasikan pembelajaran dan teori-teori keusahawanan dalam kuliah kepada bentuk perniagaan sebenar secara dalam talian.



NURUL HASLIANA BINTI HAMSAWI SITI SALWANI BINTI ABDULLAH

Webinar Lunch, Learn & Grow Work Based Learning telah diadakan pada 25 Mei 2022 bermula pada pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari melalui pelantar Zoom Meeting. Webinar dianjurkan oleh Unit Jaminan Kualiti & Akreditasi, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan. Seramai 55 orang peserta yang terdiri daripada warga akademik UMK telah menghadiri seminar tersebut. Webinar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pemahaman berkenaan konsep Work Based Learning (WBL). Webinar ini memberi tumpuan kepada ciri-ciri serat struktur kursus yang perlu ada dengan mengguna pakai elemen WBL. Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada webinar tersebut, hampir keseluruhan peserta menunjukkan penerimaan yang baik sepanjang perkongsian ini dijalankan. Semoga webinar ini dapat dimanfaatkan dengan baik oleh semua peserta yang hadir khususnya warga akademik yang sedang menjalankan proses semakan kurikulum dan pembangunan program akademik baru bagi menyediakan kursus yang lebih fleksibel bersetujuan dengan elemen WBL yang perlu diterapkan sebagaimana digariskan oleh Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Baru Universiti Awam.




AFIFAH HANIM BINTI MD PAZIL WAN FARHA BINTI WAN ZULKIFFLI

Bengkel Penyediaan Enam (6) Garis Panduan Program Akademik FKP telah diadakan pada 3 hingga 5 Jun 2022 bertempat di Hotel Mandurah, Kuantan. Bengkel ini telah disertai oleh Yang Berbahagia Dekan FKP, Prof. Madya Dr. Mohd Nor Hakimin bin Yusoff, ahli pengurusan FKP, 41 orang pensyarah yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa Task Force Pembangunan Garis Panduan Program FKP dan wakil pengurusan pentadbiran FKP. Garis panduan yang telah dibangunkan pada bengkel tersebut adalah Garis Panduan Protege@UMK, Garis Panduan Mobiliti Berkredit/ Tidak Berkredit, Garis Panduan Microcredential, Garis Panduan 2u2i, Garis Panduan Double/ Dual Degree dan Garis Panduan Student in Advisory (SIAP). Pembangunan garis panduan ini bertujuan sebagai panduan yang lebih jelas kepada semua pensyarah dan pelajar dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi program akademik di FKP. Garis panduan ini dicadangkan digunakan bermula semester September sesi 2022/2023.



**NOR HAFIZA OTHMAN
YUSRINADINI ZAHIRAH MD ISA @ YUSUFF**

Unit Keusahawanan di bawah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan telah menganjurkan Pertandingan Rancangan Perniagaan 2022 Piala Dekan pada 17 Jun 2022. Pertandingan rancangan perniagaan ini bertujuan untuk mencari bakat-bakat terpendam pelajar di samping menjadi platform untuk membolehkan mereka membentangkan idea-idea perniagaan terkini dan seiring dengan arus perdana. Pertandingan ini adalah siri kedua selepas kejayaan siri pertama program ini pada tahun 2021. Sebanyak 31 penyertaan pelajar telah diterima dalam menyertai pertandingan ini, yang terdiri daripada individu dan juga berkumpulan. Program ini juga memberi pendedahan kepada pelajar dalam menyediakan rancangan perniagaan menerusi latihan dan bimbingan yang dilaksanakan sebelum berlangsungnya pertandingan pada 17 Jun 2022. Terdapat empat modul yang perlu diikuti peserta iaitu Modul 1 (Rancangan Operasi), Modul 2 (Strategi Pelaksanaan Perniagaan), Modul 3 (Pemasaran Digital) dan Modul 4 (Pengurusan Kewangan dan Kepentingannya). Pemenang bagi pertandingan rancangan perniagaan ini diberi peluang untuk mendapatkan pembiayaan untuk menjalankan perniagaan dari pihak Bank Islam Malaysia Berhad dan juga Institut Keusahawanan UMK (UMKEI).



NIK MADEEEHA NIK MOHD MUNIR NURUL HAFIZAH BINTI MOHD YASIN

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dengan kerjasama Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan(FHPK)danANGKASA-UMK Research Academy(AURA)telahmenganjurkan Karnival Keusahawanan dan Kesihatan yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Jun 2022 dengan tajaan Digi@University. Karnival ini bertempat di Dewan Terbuka Keusahawanan (DTK), Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dianggarkan lebih 250 pengunjung termasuk pelajar UMK, staf akademik, usahawan (kecil, sederhana dan koperasi) dan komuniti setempat yang menghadiri karnival ini. Karnival ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap pengetahuan komuniti tentang kepentingan menjaga kesihatan dan kesejahteraan melalui kempen-kempen dan pemeriksaan kesihatan yang telah diberikan secara percuma. Selain untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti, karnival ini juga menjadi salah satu platform bagi para usahawan kecil dan sederhana untuk menjana ekonomi mereka. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah jualan produk tempatan oleh usahawan kecil dan sederhana, seminar kesihatan mental dan keusahawanan, pameran kesihatan dan keusahawanan, kempen derma darah serta beberapa pertandingan seperti inovasi e-dagang, masak menu sihat, selfie jom sihat dan kuiz silang kata. Terima kasih ahli jawatankuasa yang bertungkus lumus menjayakan karnival ini dan semoga ianya menjadi acara kolaborasi fakulti yang berterusan pada tahun akan datang!



NIK MADEEEHA NIK MOHD MUNIR FATIHAH BINTI MOHD


Karnival Inovasi E- Dagang 2022 ini merupakan pertandingan inovasi yang melibatkan 274 pelajar dari kursus E-Dagang (ACS3033) untuk sesi akademik Februari 2021/ 2022. Ia merupakan sebahagian dari agenda Karnival Keusahawanan dan Kesihatan yang berlangsung serentak pada 18 dan 19 Jun 2022 bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang di Dewan Terbuka Keusahawan, Kampus Kota, UMK. Seramai 21 orang yang terdiri dari kakitangan dan pelajar dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) menjadi ahli penggerak dalam menjayakan karnival ini. Pertandingan inovasi ini dinilai oleh 12 juri yang dilantik dari kalangan pensyarah FKP. Kategori yang dipertandingkan adalah Pertandingan Projek Keusahawanan E-Gagang, Pertandingan Inovasi Business Model Canvas, serta satu anugerah bagi Kumpulan Terbaik Inovasi Keusahawanan. Matlamat karnival ini adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar kursus terbabit mengaplikasi ilmu yang dipelajari melalui perkongsian idea perniagaan selain mampu memupuk pemikiran kreatif dan berinovasi dalam kalangan pelajar tersebut. Tahniah kepada para pemenang!



SITI NURZAHIRA BINTI CHE TAHRIM SHAH ISKANDAR FAHMIE BIN RAMLEE FATIHAH BINTI MOHD

Pra Bengkel Task Force Penstrukturran Dan Pemantapan Program Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian (2u2i) merupakan satu program yang diadakan oleh Ahli Jawatankuasa Task Force bagi meningkatkan kefahaman setiap pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan Program 2u2i mengikut keperluan dokumentasi dan permintaan pemegang taruh. Ia juga diadakan sebagai persediaan semakan kurikulum. Program ini telah dijalankan pada 03 Julai 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Seramai 17 orang staf akademik telah terlibat secara langsung di mana 4 orang daripadanya dilantik sebagai ketua bagi setiap unit yang ditetapkan.

Pra bengkel inilah telah mencapai matlamatnya di samping berjaya mewujudkan perbincangan ke arah penstrukturran dan pemantapan program dalam menghasilkan program akademik yang berimpak tinggi. Hasil daripada bengkel ini juga, beberapa strategi dan pendekatan telah diambil antaranya mewujudkan unit-unit seperti akademik, latihan dan jaringan data raya.





**NIK MADEEEHA NIK MOHD MUNIR
MOHD RUSHDAN BIN YASOA'**

Pada 3 dan 5 Julai 2022, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) di bawah kelolaan Dr. Mohd Rushdan bin Yaso' telah menganjurkan Karnival Sukan Staf FKP. Karnival sukan ini melibatkan dua acara sukan iaitu, petanque yang diadakan di gelanggang petanque, UMK Kampus Kota dan badminton yang telah diadakan di Kota Bharu Badminton Club (KBBC), Jalan Guchil Bayam. Ianya telah disertai oleh 38; 19 beregu untuk acara petanque dan 22; 11 beregu bagi acara badminton orang kakitangan fakulti yang terdiri daripada pentadbiran dan akademik. Pertandingan ini bermula dari jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang bagi merebut gelaran juara. Pemenang adalah terdiri daripada tempat Johan, Naib Johan dan tempat ketiga bagi setiap kategori lelaki dan wanita yang mana mereka membawa pulang sebuah hamper bernilai beserta medal. Melalui karnival sukan ini, ianya dapat memupuk semangat kerjasama di samping mengukuhkan lagi ikatan persahabatan sesama kakitangan fakulti. Diharap ianya dapat menjadi acara tahunan yang dapat mendorong setiap kakitangan fakulti untuk terus bersemangat mengamalkan cara hidup secara sihat dan aktif selain mengurangkan rasa tekanan dalam menjalankan tugas hakiki sehari-hari. Tahniah kepada semua yang terlibat!




NURUL HASLIANA HAMSANI AHMAD RIDHUWAN ABDULLAH

Pihak Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui kerjasama antara Angkasa Research Academy (AURA) dan Bahagian Penyelidikan, Inovasi dan Pascasiswazah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), telah berjaya menganjurkan *Program First To Be: Scopus Journey (Fasa 1 – Writing And Publishing In Scopus)* pada 06 Julai 2022 (Rabu) secara atas talian melalui platform Zoom Meeting. Program yang dianjurkan ini bertujuan untuk membudayakan amalan penulisan artikel jurnal SCOPUS dan berimpak tinggi kepada pensyarah fakulti yang terpilih. Program yang dilaksanakan secara atas talian iaitu melalui platform Zoom ini telah disertai oleh seramai 30 orang pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan. Program ini telah berjaya dalam menambahkan ilmu menerbitkan artikel mengikut standard SCOPUS dikalangan pensyarah FKP. Melalui program ini juga, ia dapat memberikan input kepada peserta dalam memantapkan penulisan mereka. Tambahan pula, program ini juga dapat membudayakan amalan menulis dan menerbitkan artikel SCOPUS, yang mana penerbitan merupakan bidang tugas utama sebagai pensyarah. Semoga program ini dapat terus dianjurkan bagi melahirkan warga akademik yang cemerlang dalam penerbitan.



AZLINDA SHAZNEEM BINTI MD SHUAIB MOHD ZULKIFLI BIN MUHAMMAD

Seramai 50 peserta yang terdiri dari ahli akademik, para pelajar dan juga komuniti telah menyertai *International Seminar On Entrepreneurship And Psychology 2022* yang diadakan secara talian melalui platform Zoom dan juga FB Live UMK Official pada 6 Julai 2022. Seminar yang dianjurkan oleh bahagian Pascasiswazah dan Penyelidikan ,Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dengan Kerjasama Nottingham Trent Universiti (NTU), United Kingdom ini bertujuan untuk berkongsi ilmu berkenaan psikologi dalam bidang keusahawanan yang disampaikan oleh para penyelidik daripada kedua-dua universiti berkenaan. Seminar ini telah berjaya dalam menambahkan ilmu di kalangan staf UMK secara amnya dan para pensyarah UMK secara khasnya akan kepentingan psikologi dalam bidang keusahawanan sejajar dengan falsafah penubuhan UMK sebagai Universiti Keusahawanan. Selain itu, para pelajar khususnya pelajar mod penyelidikan dapat menimba ilmu tentang psikologi keusahawanan dan dapat menggunakan input daripada seminar ini ke dalam penulisan tesis dan juga artikel. Turut serta dalam seminar ialah usahawan dan masyarakat luar di mana mereka dapat mempelajari ilmu berguna daripada para pakar penyelidik psikologi dan keusahawanan.



YUHANIS BINTI MOHAMED NOOR NOREWANI BINTI SUKRI

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengadakan pameran serta jualan produk dan perkhidmatan koperasi bersempena Hari Koperasi Negara pada 27 – 31 Julai 2022 bertempat di Mines International Exhibition & Convention Centre, MIECC, Jalan Dulang, Mines Wellness City, Seri Kembangan, Selangor. Objektif EsKOM ini diadakan adalah untuk memperkasakan sosio ekonomi gerakan koperasi setelah melalui fasa pandemik dan persediaan mengharungi persekitaran ekonomi semasa disamping mewujudkan nilai tambah dalam perusahaan dan perniagaan gerakan koperasi yang memberi kesan kepada pengembangan perniagaan serta mencapai impak pembangunan gerakan koperasi melalui pengembangan aktiviti ekonomi pelbagai sektor industri. Sehubungan itu, ANGKASA-UMK Research Academy (AURA) turut berpeluang untuk menyertai Ekspo tersebut bagi mempromosikan perkhidmatan AURA disamping memperkenalkan UMK sebagai sebuah universiti keusahawanan. Turut dijemput untuk bersama AURA dalam pameran tersebut adalah wakil unit promosi FKP dan MGSEB. Program ini telah mendapat kunjungan seramai 35,767 pengunjung selama empat hari dan telah mencatatkan nilai dagangan melebihi 100 juta. Menerusi program ini, dapat mempromosikan AURA kepada semua pengunjung terutama agensi-agensi penting dan juga koperasi serta mencipta jaringan baru seperti SevenBoss yang mana telah bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dengan AURA untuk jalankan program akan datang.

EksKOM catat nilai dagangan melebihi RM100 juta



Abdul Fattah (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada koperasi dari Filipina, Federation of People's Sustainable Development Cooperative (FPSCD). Turut hadir ialah Timbalan Presiden Angkasa, Profesor Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shukri (ketiga dari kiri).

Ekspo Koperasi Malaysia 100

28 - 31 Julai 2022

EKS KOM

SERDANG - Ekspo Koperasi Malaysia (EksKOM) berjaya mencatatkan jumlah nilai dagangan melebihi RM100 juta dalam tempoh panjang empat hari ia berlangsung di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines (MIECC) di Seri Kembangan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) Dato' Dr Abdul Fattah Abdul Jalil berkata, potensi perdagangan dan pelaburan itu diraikh menerusi empat minggu pameran yang berlangsung pada 27 hingga 31 Julai 2022. Ia menarik sebanyak 35,767 pengunjung serta 170 sesi pemadianan perniagaan dan transaksi perniagaan (B2B) melibatkan pelbagai sektor industri dan agensi penting semasuk dunia koperasi antarabangsa.

Menurutnya, ekspo yang diadakan sebagai sambutan Hari Koperasi Negara 2022 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUKO) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) itu berjaya menarik kehadiran lebih 35,000 pengunjung.

"Koperasi yang berjaya mencatatkan nilai dagangan melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 30,000 orang, sudah pasti akan membentuk merangkaian perniagaan yang kuat dan nyata bagi koperasi kita," katanya.

Malaysia "kini dalam satu kenyataan pada Ahad."

Abdul Fattah berkata, Angkasa menerima banyak reaksi positif dalam kerjasama perniagaan yang terdiri daripada koperasi dan kerajaan dalam rancangan strategik.

Katanya, EksKOM yang dijalankan telah menciptakan ruang untuk mempromosi produk serta menjalin kerjasama strategik bagi memperkuatkan lagi perniagaan dan pembiaran mereka.

"Usaha meraikan koperasi serta

perkhidmatan koperasi kepada rakyat

merupakan koperasi sebagai pilihan utama perniagaan dan perkhidmatan bagi agenda utama Angkasa seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Angkasa 2030 (PESANDI) dan EksKOM," ujar beliau.

Sementara itu, Timbalan Pengurus SKM, Rusli Jali dalam ucapan perasmian Sambutan Hari Koperasi Negara 2022 merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sambutan diberikan oleh pengunjung yang hadir dari seluruh negara.

Majlis perasmian pelantutan turut diwakili oleh Presiden Persekutuan Persekutuan Malaysia yang menyaksikan pelbagai hadiah menarik seperti motosikal, peti seuk, basikal, telefon bimbit, televisyen dan paket penginapan.



AFIFAH HANIM BINTI MD PAZIL SYAMSURIANA BINTI SIDEK

Program Hari Keluarga Warga FKP telah berjaya menghimpunkan seramai lebih 100 orang staf pentadbiran dan staf akademik termasuk ahli keluarga. Program ini telah diadakan di perkarangan Tamu Waris, UMK Kampung Bachok pada 20 Ogos 2022. Bertemakan "Kebersamaan Warga FKP Tonggak Kejayaan UMK", tujuan program ini diadakan adalah bagi mengeratkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan antara warga fakulti. Sebanyak 5 aktiviti permainan iaitu Boling Klasik, Kain Bocor, Musang Berjanggut, Radio Rosak dan Cedok Pitih telah dijalankan yang melibatkan 5 kumpulan staf dan ahli keluarga. Di samping itu, sebanyak 5 kumpulan terdiri daripada 5 kanak-kanak telah menyertai 5 aktiviti sukaneka iaitu Isi Air dalam Botol, Suci dalam Debu, Lari dalam Guni, Bawa Bola Ping Pong dalam Sudu dan Musical Chair.



NOR ASMA BINTI AHMAD NURHAIZA BINTI NORDIN

Bengkel Penulisan Ringan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah dijalankan pada 23 Ogos 2022 bertempat di Hotel Perdana, Kota Bharu. Bengkel ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FKP, Dr. Ahmad Ridhuwan bin Abdullah dan dihadiri oleh editor bulletin Caknawan dan ahli jawatankuasa bengkel program seramai 35 orang. Tujuan bengkel ini adalah bagi membuka peluang kepada pensyarah FKP menulis dan menerbitkan penulisan ringan berkaitan dengan bidang kepakaran masing-masing. Bengkel ini juga dapat memberi kesempatan kepada pensyarah untuk menulis dan menerbitkan penulisan mereka dalam buletin Caknawan FKP. Dengan itu, para pensyarah dapat berkongsi kepakaran atau penemuan baharu dalam kajian mereka kepada masyarakat luar dengan penulisan ringan yang mudah difahami.





AZLINDA SHAZNEEM BINTI MD SHUAIB SHAH ISKANDAR FAHMIE BIN RAMLEE FATIHAH BINTI MOHD

UMK melalui Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah menganjurkan sebuah bengkel yang dikenali sebagai Real Entrepreneur Applied Learning (REAL). Bengkel ini telah diadakan selama tiga hari bermula dari 24 Ogos 2022 sehingga 26 Ogos 2022 bertempat di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Bengkel REAL ini telah disertai oleh 25 pelajar dan 5 staf akademik bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam. Program ini berperanan mendedahkan pelajar Tahun 3 Program Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian (2u2i) berkaitan dengan penerokaan idea baharu dan penambahbaikan idea perniagaan bagi digunakan semasa Operasi Teroka Baharu (OTB). Bengkel ini telah mendapat sambutan yang baik dan kesemua pelajar memberikan komitmen yang penuh sepanjang bengkel. Hasil daripada bengkel ini, pelajar lebih jelas dengan perniagaan yang akan dilaksanakan semasa OTB dan juga mendapat pengalaman daripada usahawan tentang dunia perniagaan sebenar. Melalui bengkel ini, para pelajar secara tidak langsung akan dapat membantu UMK dalam pencapaian peratusan graduan usahawan kelak.



YUHANIS BINTI MOHAMED NOOR

Kolokium Pascasiswazah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah diadakan secara maya pada 27 Ogos 2022 di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Ia merupakan acara tahunan yang menjadi platform kepada pelajar pascasiswazah FKP untuk membentangkan kemajuan penyelidikan terkini oleh para pelajar. Acara ini telah dianjurkan sepenuhnya oleh jawatankuasa penyelaras Kolokium Pascasiswazah FKP 2022 yang terdiri daripada 25 orang pensyarah FKP serta 9 orang staf pentadbiran. Untuk acara kolokium pada tahun ini, telah berjaya menarik seramai 75 peserta, yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Bertemakan "*The Role Of Entrepreneurship And Marketing Towards Business Success*", sebanyak 29 kertas kerja untuk bidang keusahawanan dan pemasaran diterbitkan. Untuk bidang logistik dan pengurusan, bertemakan "*The Important of Logistic and Management*", sebanyak 23 kertas kerja telah diterbitkan manakala untuk bidang kewangan, perbankan Islam dan perakaunan, menerusi tema "*Sustainable Finance, Accounting and The Role of Islamic Banking*" sebanyak 23 kertas kerja telah dipilih untuk diterbitkan. Majlis penutup telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Nor Hakimin bin Yusoff, selaku Dekan FKP dan program ini telah memilih 5 Pembentang Terbaik iaitu Yuhanis binti Mohamed Noor, Sundas Kashmeeri, Samsidine Aidara, Nurza binti Mohamed Yusoff dan Muhammad Ahyaruddin. Manakala untuk kategori Penulis Terbaik, seramai 5 pemenang telah dipilih iaitu Nurul Azreen binti Salleh, Nur Fairus binti Abd Hamid, Siti Samsiah, Ma Jianmei, dan Saidatul Afifah Auni binti Saipuddin. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya.



NOR ASMA BINTI AHMAD

Bertempat di Tasik Kenyir, Terengganu, para pensyarah dan pengurusan pentadbiran daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah berkampung selama 2 hari 3 malam (3 hingga 5 Oktober 2022) bagi menjalani Program Peningkatan Kerja Berpasukan (Team Building Trip). Seramai 46 orang peserta telah bersatu tenaga menjalani semua aktiviti yang telah dirancang dengan cemerlang. Antara aktiviti Team Building Games yang dilakukan adalah seperti *Ice Breaking* dan *Team Work Games* disamping lawatan ke beberapa tempat menarik di sekitar Tasik Kenyir. Program *Team Building* ini dapat menjadi satu titik tolak ke arah proses penambahbaikan dalam organisasi dari aspek seperti hubungan dan komunikasi, disamping mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan ahli fakulti.



ZAMINOR BINTI ZAMZAMIR@ZAMZAMIN MURHAZLAN BIN MOHAMED

Majlis penyampaian Anugerah Gemilang FKP tersebut telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Razli di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, pada 25 September 2022. Tujuan anugerah tersebut diberikan sebagai penghargaan oleh fakulti terhadap individu di kalangan staf FKP yang dilantik memegang jawatan tertinggi/utama semasa di dalam universiti. Sebanyak 25 kategori Anugerah telah diberikan kepada staf yang terpilih sebagai penerima Anugerah Gemilang FKP dari kalangan staf akademik dan staf pentadbiran termasuk satu anugerah khas iaitu pengiktirafan kepimpinan Universiti. Pada majlis itu, FKP turut menyampaikan Anugerah Khas Pengiktirafan Kepimpinan Universiti kepada Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak, Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah, Pendaftar UMK, En. Khairul Eruwan Abdul Halim, Penasihat Undang-Undang UMK, Pn. Noraini Idris, Dekan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Prof. Madya Dr. Nor Hakimin Yusoff.



**SITI NURZAHIRA CHE TAHRIM
NUR AIN AYUNNI SABRI
ENI NORENI MOHAMAD ZAIN**

Bengkel Perancangan Strategik dan Semakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2021-2025, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah diadakan di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu pada 26 hingga 28 September 2022. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Dekan, dan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Pentadbir dan pensyarah-pensyarah FKP lainnya. Pengarah Pusat Strategik dan Risiko (PSR) turut dijemput hadir sebagai fasilitator sepanjang bengkel berlangsung.

Antara objektif bengkel ini diadakan ialah membentangkan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh setiap teras (Teras Keunggulan Pelajar, Teras Kelestarian Kewangan, Teras Keunggulan Bakat, Teras Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi, Teras Kerelevanan Program Akademik & Pengantarabangsaan dan Teras Kebitaraan Keusahawanan) dan pencapaiannya untuk tahun 2020 dan 2021. Penyelaras halatuju FKP juga dibuat berpandukan plan strategik UMK 2021-2025. Cabaran-cabaran berkaitan FKP untuk mencapai KPI yang ditetapkan juga telah dibincangkan.

Bengkel telah dikendalikan dengan jayanya. Semua yang hadir telah sama-sama mencerahkan idea, berkongsi pendapat dan memurnikan cadangan yang diutarakan di dalam bengkel yang diadakan selama 3 hari 2 malam itu. Pengukuran pencapaian seterusnya akan dinilai dalam tempoh setahun mulai Januari 2023 sehingga penghujung tahun. Bengkel ini diharap dapat membantu dalam merealisasikan hala tuju FKP pada tahun 2023 dan tahun-tahun seterusnya.



AZLINDA SHAZNEEM BINTI MD SHUAIB TAHIRAH BINTI ABDULLAH

Bengkel Pengurusan Penyeliaan Pelajar Pacasiswazah telah diadakan pada 29 September 2022 bertempat di Dewan Keusahawanan UMK, Kampus Kota dan dihadiri oleh warga pensyarah dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan UMK. Bengkel ini bertujuan membantu para penyelia untuk menyelia pelajar khususnya pelajar pascasiswazah mod penyelidikan dengan teknik-teknik yang betul dan terkini. Bengkel yang diadakan dari jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang itu dimulakan dengan sesi perkongsian dari penceramah jemputan Prof Dr. Dr. Abdul Halim Bin Abdul Majid, School of Business Management, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Beliau telah berkongsi pengalaman dalam membimbing dan menyelia pelajar pascasiswazah serta menerangkan kepentingan penyeliaan serta tanggungjawab seorang penyelia. Bengkel diteruskan lagi dengan sesi perbincangan mengenai keperluan penyeliaan dan penerbitan serta isu dan cabaran dalam penyeliaan bersama Prof Dr Mohd Rosli bin Mohamad , Dekan dari Pusat Pengajian Siswazah , UMK. Melalui bengkel seperti ini, secara amnya warga pensyarah dapat mempelajari dan memperbaiki teknik dalam penyeliaan dan input baru kepada penyelia muda khususnya dalam menyelia pelajar dengan cara yang betul dan efisen dalam melahirkan penyelia dan pelajar yang berkualiti serta cemerlang dalam bidang penyelidikan.



NOR HAFIZA OTHMAN

Fakulti Keusahawan dan Perniagaan (FKP) telah bekerjasama dengan Institut Keusahawanan UMK (UMKEI), Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC), Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) dan Women Leadership Foundation (WLF) sebagai rakan strategik dalam menganjurkan Young Aspiring Leaders and Entrepreneurs (YALE) 2022. Program YALE 2022 telah berlangsung pada 7 Oktober – 10 Oktober 2022 di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan potensi dan atribut keusahawanan pelajar dalam menjadikan kerjaya usahawan sebagai kerjaya pilihan. Seramai 20 pelajar daripada program Sarjana Muda Keusahawanan (2u2i), FKP telah menyertai program ini. Program YALE adalah sebuah program berstruktur yang menggabungkan sesi latihan dengan pembelajaran berasaskan pengalaman untuk membangunkan atribut keusahawanan dan kepimpinan pelajar. Menerusi program tersebut, pelajar telah mendapat latihan dan bimbingan daripada jurulatih industri yang berpengalaman. Antara jurulatih industri yang terlibat adalah Datuk Hafsa Hashim, Dato' Hazimah Zainuddin, Dato' Azlin Ahmad Shaharbi dan ramai lagi telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka kepada pelajar.



ZAMINOR BINTI ZAMZAMIR@ZAMZAMIN HAZRINA BINTI HASBOLAH

*International Conference on Entrepreneurship, Business and Technology 2022 (InCEBT 2022) telah berlangsung pada 5 dan 6 November 2022 secara atas talian. Tujuan program ini adalah untuk memberi peluang kepada peserta berkongsi pengetahuan dan kepakaran terkini dalam bidang keusahawanan, perniagaan, dan teknologi bagi menjalankan hubungan kerjasama antara UMK dan institusi antarabangsa, meningkatkan bilangan penerbitan dalam Buku Suntingan dan juga Jurnal ber indeks Scopus dan kelestarian jurnal-jurnal UMK bagi penerbitan dalam AIP Conference Proceeding (terindeks oleh Scopus dan Web of Science). Sebanyak 132 article telah di terima yang melibatkan penyertaan daripada universiti tempatan dan antarabangsa. Kesemua hasil penyelidikan telah dibentangkan melalui rakaman video dan pembentangan secara langsung melalui pautan Zoom. Seramai 2 orang peserta telah mendapat anugerah Best Paper Award dan 21 peserta telah mendapat anugerah Best Presenter Award yang terdiri pelbagai sub-bidang seperti keusahawanan, pemasaran, keusahawanan digital, perniagaan dan pengurusan, perakaunan, peluang dan risiko dan keusahawanan sosial. Kesemua kertas persidangan yang terpilih telah diterbitkan dalam Jurnal ber indeks Scopus. Program ini telah membantu penjanaan pendapatan kepada fakulti sebanyak **RM31,780.86**.*



**DI SEBALIK
LENSA FKP**



DARI KIRI

Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan Bin Razik (Pengarah, Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE)), Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Bin Abdul Aziz (Pengarah, Pusat Strategik dan Risiko, UMK), Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah (Dekan, Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan) dan Prof. Dr. Mohd Nor Hakimin Bin Yusoff (Pengarah Kanan, Institut Keusahawan Universiti Malaysia Kelantan).

PELANTIKAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI



PELANTIKAN AHLI SENAT



PELANTIKAN AHLI SENAT



Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah, Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan Bin Razik, Prof. Dr. Mohammad Bin Ismail, Prof. Madya Ts. Dr. Muhamad Saufi Bin Che Rusuli, dan Encik Syarizal Bin Abdul Rahim antara yang menerima lantikan ahli senat pada tahun 2022.



Prof. Dr. Mohd Rosli Mohamad, Prof. Madya Dr. Dzulkifli Bin Mukhtar, Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery Bin Ibrahim, Dr. Mohd Ikhwan Bin Aziz dan Dr. Mohd Safwan Bin Ghazali antara yang turut hadir di sesi pelantikan jawatan giliran pentadbiran Universiti Malaysia Kelantan dan menerima surat lantikan masing-masing.

PELANTIKAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI





Ucapan tahniah kepada Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman, Prof. Madya Dr. Noorshella binti Che Nawi, Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Dr. Nur Farahiah binti Azmi, Prof. Dr. Mohd Nor Hakimin bin Yusoff, Dr. Wan Farha binti Wan Zulkifli, Dr. Ahmad Ridhuwan bin Abdullah, and Dr. Nur Izzati binti Mohamad Anuar diatas lantikan jawatan pentadbiran yang telah diterima seperti didalam gambar.



Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak menerima lantikan sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan.



Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak ketika menerima darjah kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (D.P.S.K).



Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman ketika menerima Anugerah Honorari Professor Hubungan Industri daripada Universiti Cyberjaya.



Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak ketika menerima Anugerah Fellowship berprestij 2022 daripada Institute of Marketing Malaysia (IMM).



Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak, penerima Anugerah Fellowship berprestij 2022 daripada The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT) Malaysia 2022.



Pelantikan Dr. Noor Raihani Binti Zainol sebagai Felo di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Bin Abdul Aziz sebagai Ahli Tetap Jawatankuasa Standard Kebangsaan bagi Logistics; En Mohammad Nizamuddin Bin Abdul Rahim sebagai Panel bagi salah satu program di Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).



Prof. Dr. Mohammad Bin Ismail menerima surat kenaikan pangkat ke Profesor (VK7).

Dr. Zaminor Binti Zamzamir @ Zamzamin, Dr. Azira Hanani Binti Ab Rahman, Dr. Nik Syuhailah Binti Nik Hussin, Dr. Nor Asma Binti Ahmad, Dr. Siti Fariha Binti Muhammad dan Dr. Mohd Safwan Bin Ghazali di antara staf akademik yang menerima kenaikan pangkat kepada Pensyarah Kanan, Gred DS52 pada tahun 2022.



Prof. Madya Dr. Dzulkifli Bin Mukhtar, Prof. Madya Dr. Anis Amira Binti Ab Rahman, Prof. Madya Dr. Noorul Azwin Binti Md Nasir dan Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan Bin Razik antara staf akademik yang menerima kenaikan pangkat kepada Profesor Madya, Gred DS54 pada tahun 2022.

PENGANUGERAHAN IJAZAH KEDOKTORAN FALSAFAH



Dr. Nor Asma Binti Ahmad menerima Ijazah Kedoktoran Falsafah di Majlis Konvokesyen UPM Ke-46.

Dr. Mohd Rushdan bin Yasoa' dan Dr. Mardhiah binti Kamaruddin menerima Anugerah Ijazah Kedoktoran Falsafah di Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA Kali ke 14.



Dr. Siti Salwani binti Abdullah dan Dr. Hasannuddiin bin Hassan menerima Anugerah Ijazah Kedoktoran Falsafah di Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan kali ke 10 dan ke 11.



Antara pencapaian yang membanggakan dari pelajar dan pensyarah dalam bidang keusahawanan serta penganugerahan dalam pentadbiran warga Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.



Penerima anugerah Graduate on Time (GOT), Perkhidmatan Cemerlang (APC), Jasa Bakti dan Setia di kalangan staf pensyarah dan pentadbiran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.



Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Bin Zakaria memenangi pingat perak bagi berbasikal MTB VIP individu di SUKUM 2022 manakala Encik Mahathir Bin Muhammad dan Encik Abdul Aziz Bin Mat Hassan memenangi pingat emas bagi trio petanque lelaki di SUKUM 2022.



Encik Mahathir bin Muhammad menerima watikah pelantikan sebagai Pengurus Pasukan Petanque Kelantan bagi SUKMA 2022.



Antara staf FKP yang menang dalam kejohanan sukan antara Kampus di UMK.

PENGLIBATAN DALAM PEMBANGUNAN ILMIAH

RAMAPURAM SRM
SRM INSTITUTE OF SCIENCE AND TECHNOLOGY
Rampuram Campus
COLLEGE OF ENGINEERING AND TECHNOLOGY
DEPARTMENT OF ENGLISH AND OTHER FOREIGN LANGUAGES
in Association with
LAVENDER LITERARY CLUB
organizes
WORKSHOP ON "GRADUATE PREPAREDNESS FOR WORLD AT WORK"
for B.Tech & B.Arch Students
28.02.2022 | 02:00 pm to 03:30 pm

Speaker
Prof. Emeritus Dr. Anuwar bin Ali
Chancellor, University of Cyberjaya, Malaysia
"Preparing the Undergraduates for the Future World of Work;
New Challenges & Uncertainties."

Moderator
Prof. Dr. Balakrishnan Parasuraman
Professor, Human Resources Management & Labour Relations
Faculty of Entrepreneurship & Business
Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
President, Malaysian Industrial Relations &
Human Resource Association (MIRA), Malaysia

Registration: <https://forms.gle/wXLTmTq945xAkixFA>
Google Meet: <https://meet.google.com/vok-jxoa-uxv>

Convenor: Dr. V. Rema | Staff Coordinator: Dr. S. Savitha | Student Coordinators: Sai Manasa V, T S Sowmya

FOR ENQUIRIES 1800 102 1525



KTÜ
KARABÜK ÜNİVERSİTESİ
TEKNİK ÜNİVERSİTESİ
İnşaat ve İletişim Fakültesi

İİBF ÇARŞAMBA SEMİNERLERİ

Unlocking Entrepreneurship Knowledge and Skills amongst Youths

Prof. Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob
University of Malaysia Kelantan

02.02.2022 Çarşamba Saat: 14:00
KTÜ İİBF Dekanlık Toplantı Salonu

11th Guest Lecture
Odd Semester 2022/2023

Topic: Islamic Monetary Economics

Speaker: Dr. Hazriah Binti Hasan
Lecturer at Department of Entrepreneurship and Business
Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

Moderator: Dr. Dimas Bagus Wiranatakusumah
Lecturer at Department of Economics
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia

Wednesday, Dec 22th, 2022 | 14.00 PM (Jakarta Time) or 14.00 PM (Malaysia Time) | Online Method
823 1227 5519, Pass: 659206 | IPIEF FEB UMY

ef.umy.ac.id | [ipieffebumy](https://www.facebook.com/ipieffebumy) | [ipieffebumy](https://www.instagram.com/ipieffebumy) | +62813 8783 0000 | [+62813 8783 0000](https://www.linkedin.com/company/ipief-feb-umy/)

Supported by:
IASE IAEI | Ekonom Syariah

SKBSK CAREER CARNIVAL 2022
FIND A WAY TO A BRIGHTER FUTURE

CAREER WORKSHOP

WIN THE INTERVIEW
WIN THE JOB
16TH FEBRUARY 2022
WEDNESDAY
9.15 AM – 11.15 AM

Speaker: PROFESSOR DR. BALAKRISHNAN PARASURAMAN

Faculty of Entrepreneurship & Business
Universiti Malaysia Kelantan
NHRC Fellow (HRDCORP / Ministry of Human Resources Malaysia)
President of Malaysian Industrial Relations and Human Resources (MIRHA)
PhD (Wollongong, Australia)
BSc. (Hons) Econ (UM), Malaysia
Dip. Edu (PG) Malaysia
Adv. Dip Coaching and Mentoring (Ministry of Human Resources, Malaysia)
Cert. Higher Edu (UMS, Malaysia)

<https://utm.webex.com/utm/j.php?MTID=m340842c4b0de2ab0>
<https://www.facebook.com/biomedical.utm>

FB: School of Biomedical Engineering and Health Sciences UTM

UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

GUEST LECTURE
AFS4123 (ISU DAN CABARAN PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM)
ISLAMIC ECONOMICS AND FINANCE FROM INDONESIA AND MALAYSIA EXPERIENCES

25TH DECEMBER 2022 | 09.00 AM – 11.00 AM (GMT+8/MALAYSIA TIME)

SPEAKER: DR. DIMAS BAGUS WIRANATAKUSUMA
Lecturer, Department of Economics
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia

SPEAKER: DR. HAZRIAH BINTI HASAN
Senior Lecturer, Faculty of Entrepreneurship and Business
Universiti Malaysia Kelantan


SCAN QR CODE



[OfficialUMK](https://www.facebook.com/OfficialUMK.officialumk) | [ENTREPRENEURSHIP](https://www.instagram.com/OfficialUMK.officialumk) | [OfficialUMK](https://www.linkedin.com/company/OfficialUMK.officialumk) | [OfficialUMK](https://www.youtube.com/OfficialUMK)

Congratulations for selected as
50
BEST MALAYSIAN TITLES
FOR INTERNATIONAL RIGHTS' 2021/2022

ISLAMIC ECONOMICS: PRINCIPLES AND SYSTEMS
Author: HAZRIAH HASAN & ISMAIL AHMAD

ISLAMIC ECONOMICS: PRINCIPLES AND SYSTEMS
Author: HAZRIAH HASAN & ISMAIL AHMAD

ISLAMIC ECONOMICS: PRINCIPLES AND SYSTEMS
Author: HAZRIAH HASAN & ISMAIL AHMAD

ISLAMIC ECONOMICS: PRINCIPLES AND SYSTEMS
Author: HAZRIAH HASAN & ISMAIL AHMAD



**Universiti Malaysia
KELANTAN**







03 JULAI 2022

Masa: 10.00pagi
 Pautan: FB rasmii UMK:
<https://www.facebook.com/OfficialUMK>

Amalan Terbaik Industri Halal

Program Kesedaran Halal



Dr. Shuh Nikandar Fahrnie bin Ramli
 Penyayang dan Trainer
 Certified Halal Trainer PHKA (Malaysia International Halal Academy) / AJKH



Dr. Mardhiah
 Dr. Shuh Nikandar Fahrnie bin Ramli
 Penyayang dan Kanan
 Fakulti Keusahawanan & Perniagaan



Dr. Farahiah
 Dr. Shuh Nikandar Fahrnie bin Ramli
 Penyayang dan Trainer
 Certified Halal Trainer PHKA (Malaysia International Halal Academy) / AJKH

Terbuka kepada semua Staf dan Pelajar UMK

Jangan lepaskan peluang untuk menyertai latihan Sijil Profesional untuk Ekselutif Halal yang dijajakan bermula Ogos 2022 secara PERCOMA!!

Hubungi kami
 018-2824816 (Dr. Farahiah)
 013-5895020 (Dr. Mardhiah)

Surjana
 Fakulti Keusahawanan & Perniagaan
 Universiti Malaysia Kelantan

Antara Topik Perbincangan

- ✓ Apakah Makanan dan Mengapa ✓ Penjawatan Halal & Logo Halal Makanan Halal
- ✓ Penyembelihan Halal
- ✓ Peranan Pelbagai Agensi dalam ✓ Makanan Halal & Kawan Pelaksanaan Program Halal Undhang-undhang











The banner features the Universiti Malaysia Kelantan logo at the top left. The main title 'CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME' is displayed in large red letters, with 'TRAINING PROGRAMME' inside a white star shape. Below it, the subtitle 'KICKSTART YOUR STARTUP JOURNEY WITH US!' is shown. A smiling man in a yellow patterned shirt holds a small red box. To his right, the text 'TRAILBLAZER CUP 2022' is written in large red letters. On the right side, there are three gold trophy icons with the text 'TARIKH 25 O' above them, and 'RM 1,500', 'RM 1,000', and 'RM 500' below them respectively. At the bottom, there are seven circular portraits of speakers, each with their name and affiliation. The footer contains logos for various partners and the text 'Anjuran : PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN (CEED), UMKEI' and 'Dengan Kerjasama :'. There are also social media icons and the text 'Puan Z...' at the bottom right.

The banner features the MPC Kelantan logo at the top right. The main title 'FORUM PRODUKTIVITI & DAYA SAING:' is in large blue letters. Below it, the subtitle 'MEMBINA BUDAYA PRODUKTIVITI DAN KESEJAHTERAAN' is also in blue. To the left, there's a section for 'TARIKH' (JUN 2022) and 'MASA' (10.00am-12.00pm). On the right, there's a QR code for 'DAFTAR MELALUI'. Below the title, three panels are introduced: 'PANEL 1' featuring Dato' Dr. Shakir Husein Khalid, 'PANEL 2' featuring Prof. Dr. Balakrishnan Parasuraman, and 'PANEL 3' featuring Dr. Suahimee Sahar @ Saabar.

AGENDA AWANI

SATU PERTIGA PEKERJA MAHU BERHENTI, KENAPA?

PROF. DR. BALAKRISHNAN PARASURAMAN
Profesor Sumber Manusia & Hubungan Industri, FKP UMK / Felo, NHRC

JUMAAT • 5 OGOS 2022 • 8.30 MLM
Tonton di Saluran 501 | Live TV - astroawani.com & Aplikasi Astro AWANI

astro GO **astro AWANI**

BICARA NARATIF

PINDAAN AKTA KERJA 1955 : DEMI KEBAJIKAN PEKERJA

KAMARUL BAHARIN MANSOR SETIAUSAHA AGUNG KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC)

PROF. DR. BALAKRISHNAN PARASURAMAN FKP UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) FELLO PENYELIDIK PUSAT PENYELIDIKAN SUMBER MANUSIA KEBANGSAAN (NHRC)

ISININ | 15 OGOS 2022 9:00 MALAM

tv1 **BERITA QM SALURAN 123** **Freeview SALURAN 123** **RFM** **LIVE BERITA RTM** **Covid-19**

PROGRAM FKP LEARN & GROW SIRI 10

WBL in Curriculum Structure

25 MAY 2022 (WEDNESDAY) **10:00 AM - 12:00 PM**

Moderator
DR. SHAH ISKANDAR FAHmie BIN RAMLEE
Senior Lecturer
Faculty of Entrepreneurship and Business

Speaker
DR. WAN AB AZIZ BIN WAN DAUD
Deputy Dean
(Research, Innovations & Postgraduate)
Faculty of Language Studies and Human Development

ZOOM <https://shorturl.at/eqALM>

*ATTENDANCE WILL BE RECORDED AS TRAINING HOURS

ORGANIZER: UNIT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI, FKP

Universiti Malaysia Kelantan

QR Code

FEB

Our Speakers

Prof. Balakrishnan Parasuraman, B.Soc.Sci., M.A., Ph.D
Professor at Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan MIRHA, NHRC, BYIC UMK

Moderator

Ir. Aryana Satrya, M.M., Ph.D
Senior Lecturer - Management at Faculty Economics and Business, Universitas Indonesia

KULIAH TAMU

Productivity-Linked Wage System at Private Sector in Malaysia

Save the Date:
2 June, 2022
19.00 - 21.00 WIB

Join us:
zoom
<https://bit.ly/KuliahTamuPLWS>

12-05- 2022

Prof. Dr. Balakrishnan Parasuraman
Professor, Human Resource and Labour Relations
Faculty of Entrepreneurship & Business Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Malaysia, President, MIRHA, Malaysia

Assoc. Prof. Dr. Kahlil Mohd Salleh
Faculty of Technical and Vocational Education
University Tun Hussein Onn, Malaysia

13-05- 2022

Dr. Narasimha Murthy S V
Assistant Professor of English
Presidency University, Bangalore, India

Dr. Katerina Vorobyova
Academic Lecturer
Limkokwing University of Creative Technology, Malaysia

14-05- 2022

Dr. M. Rajaram
Assistant Professor of English
M. V. Muthiah Government Arts College for Women, Dindigul, Tamilnadu, India

Assoc. Prof. Dr. Yanti Hartijasti
Faculty of Economics and Business Universitas, Indonesia

Registration Form:
https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdKVPeBs7dDqhMNy1jVVq47WEjjITMFUHiAH_C0nQqh68mg/viewform

Communication Details

Dr. Frank Joison Sathy: +91 9486522450
Dr. R. S. Regin Silvest: +91 9442818648
Mail: lavenderliteraryclub2009@gmail.com

TRADE FOR YOUR FUTURE

Universiti Malaysia Kelantan, LifeChamp, Bursa Young Industrial Club

SELVAMANI ARUMUGAM
PRESIDENT OF BYIC UMK

PROF DR BALAKRISHNAN PARASURAMAN
ADVISOR OF BYIC UMK

MR. SHANE CHOO
FOUNDER@LIFECHAMP & WEALTHFORT

24TH AUGUST 2022
10:00 AM
GOOGLE MEET

PROGRAM KERJAYA & KEUSAHAWANAN WANITA sempena *Festival* DATARAN BANDAR BARU PASIR MAS, LUBOK JONG

BUAL BICARA KERJAYA

PANDUAN MENGHADIRI TEMUDUGA KERJA bersama Encik Muhammad Syahir Ammar Mohamed (Ketua Negeri, Unit Perkhidmatan Pekerjaan, Cawangan Sistem Insurans Pekerjaan, PERKESO Negeri Kelantan)

KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN bersama Dr Wan Farha Binti Wan Zulkifli Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar, Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan)

PELBAGAI HADIAH CABUTAN BERTUAH MENANTI ANDA!!

Anjuran bersama: **PPWN Kelantan**, **PERKESO**, **SW SKUD WAJAH**

Bagi yang berminat, sila daftar di pautan <https://tinyurl.com/KerjayaPasirMas> atau imbas kod QR yang tertera.

*Peserta hendaklah hadir seawal jam 9 pagi untuk mendaftar dan pengambilan kupon makanan percuma.

Selasa / 9 OGOS 2022 10.30 PAGI

BERNAMA RADIO FREKUENSI SIARAN : LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

PEMIKIR NEGARA

Google play Download on the App Store Get it on Spotify

Aspirasi Belia Ke Arah Pengaturan Kerja Fleksibel



PROF. DR BALAKRISHNAN A/L PARASURAMAN
PROFESOR DI FAKULTI KEUSAHAWANAN & PERNIAGAAN,
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
FELD,NHRC

**SELASA / 9 OGOS 2022
10.30 PAGI**

BERNAMA RADIO
FREKUENSI SIARAN :

LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

SIRI 2 SEMINAR AURA 'SDG 2030: KOPERASI PENYUMBANG BERKESAN'

PERASMI Prof. Dr. Razli Che Razak Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

MODERATOR Dr. Mohd Azlan Yahya Anggota Lembaga, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

IMBAS KOD QR

PERASMI Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah Presiden ANGKASA Merangkap Presiden ASEAN Co-Operative Organization (ACO)

PANELIS Tuan Hj. Nasir Khan Yahaya Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan ANGKASA En. Mohd Zaib Mat Yunus Timbalan Ketua Pengarah, (Pembangunan Modal Insan) Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

LIVE ANGKASACoop ZOOM Meeting ID: 842 1899 2181 Passcode: 002758

IMBAS KOD QR

Anjuran: ANGKASA-UMK Research Academy (AURA) Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan (FKP)

Logos: No.1 INNOVATION UNIVERSITY ACEEU, THE BASIC RANKINGS 2023, SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS, Quality System One, ISO 45001 CERTIFIED, DIAMOND CERTIFICATION, OfficialUMK umk.edu.my, ENTREPRENEURSHIP IS OUR DUTY, Kita Bersama #BinaLegasiUMK #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

Kolaborasi pensyarah FKP bersama rakan media, para pensyarah dari universiti tempatan dan luar negara serta bersama pakar dari industri dalam memberi seminar dan penghasilan penerbitan.



OfficialUMK



Tahniah kepada penerima dana bagi geran Kementerian Pengajian Tinggi – Pensijilan Profesional (KPT – PACE) dan Career Advancement Programme (KPT- CAP)!

BARISAN SIDANG REDAKSI VARIASI PERDANA 2022

99



FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

Universiti Malaysia Kelantan

Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Tel : +609 7717127

<http://fkp.umk.edu.my>

e ISBN 978-629-7555-25-6

